

Nama Suratkhbar : Berita Harian (Segmen Polemik)

Tarikh: 13 Februari 2016 (Sabtu)

Mukasurat: 15

9 SABTU

POLEMIK 15

## Contohi industri buku Taiwan, tarik perhatian pemerhati Barat

Apabila memasuki bulan April saban tahun, pastinya ramai antara kita menyerbu Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL). Ia bagaikan sudah menjadi kelaziman setiap tahun untuk datang dan membeli, malah ramai yang memborong buku di sana.

Pastinya masyarakat kita akan melihat ia sebagai fenomena yang baik kepada masyarakat, selaras dengan usaha gigih kerajaan dalam melahirkan generasi berilmu di negara ini.

Namun, penganjuran PBAKL, Big Bad Wolf dan pesta buku yang seangkatan dengannya belum cukup untuk membentuk budaya membaca dalam masyarakat kita. Kadar bilangan yang ada belum dapat menandingi budaya membaca di negara maju seperti Jepun.

Di Jepun, masyarakatnya membudayakan tabiat membaca sehingga tidak mengira masa dan tempat termasuk semasa berada dalam kereta. Ia sangat berbeza dengan masyarakat kita yang lebih selesa berdiam diri atau bersembang sesama sendiri.

**Jejaskan pengusaha buku**  
Keadaan ini boleh memberikan impak besar terutamanya kepada penerbit industri buku di negara ini. Andai kata tiada perubahan yang baik kepada budaya membaca, kemungkinan majoriti pengusaha buku boleh menutup perniagaan mereka.



Sudah tentu hal ini akan memburukkan lagi situasi budaya membaca di negara ini, sekali gus menjejaskan usaha untuk membina generasi berilmu dalam masyarakat Malaysia.

Mungkin kita boleh mencontohi langkah yang diambil oleh Taiwan. Walaupun Taiwan lima kali ganda lebih kecil daripada Malaysia, negara itu boleh berbangga dengan pembangunan pesatnyanya dari segi pembangunan dan ekonomi.

Selain memiliki bangu-

nan tertinggi di dunia, iaitu Menara Taiwan 101, industri penerbitan bukunya amat menarik perhatian terutama daripada pemerhati dari Barat.

### Belanjakan RM450 setahun

Pemerhatian menunjukkan walaupun bilangan penduduknya kecil, iaitu 20 juta, rakyatnya sangat suka membaca dan secara purata membelanjakan RM450 setahun seorang untuk membeli buku, sekali us jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara Asia yang lain.

Resipi kejayaan mereka adalah melalui strategi serampang dua mata kerajaan dengan memperkenalkan Anugerah Suria Kecil untuk menggalakkan minat membaca di kalangan generasi muda dan secara tidak langsung menggalakkan industri buku kanak-kanak.

Aktiviti dan kualiti terjemahan juga terus dipertingkatkan setiap tahun serta mempunyai kerjasama yang erat antara penerbit tempatan dan luar negara terkenal seperti DK, Cambridge dan Larousse. Buku terjemahan dijual dengan harga yang sangat rendah,

iaitu antara RM18 hingga RM23 senaskah.

### Analisis rutin tabiat membaca

Pemerhatian tabiat membeli buku dan membaca rakyat juga sentiasa dilakukan dan dianalisis dari masa ke semasa oleh penerbit tempatan melalui penyelidikan dan pembangunan seperti kajian jenis buku yang digemari, reka bentuk baru yang lebih menarik dan saiz buku yang digemari memainkan peranan penting sebelum buku dipasarkan.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk semua pihak di negara ini termasuk kerajaan dan penerbit buku merancang serta melaksanakan tindakan agresif bagi meningkatkan minat membaca, sekali gus merangsang industri buku terutama buku terjemahan yang terbaik di pasaran dunia.

Walaupun kejayaan tidak akan dicapai dalam sekelip mata, peluang untuk mengikuti jejak langkah Taiwan boleh dilakukan dengan syarat ia disertai dengan perancangan yang rapi oleh kerajaan dan mendapat sokongan padu rakyat dan seterusnya mampu menjadi sumber alternatif ekonomi negara.



**SAIFUL AZMAN BIDIN**

### PROFIL

Penulis ialah pelajar penyelidikan siswazah di Research Initiative Group for Kansei/Affective Engineering (RIG-KAE), Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang kini melanjutkan pelajaran pada peringkat doktor falsafah dalam Kejuruteraan Kansei Robotik. Beliau pernah berkhidmat sebagai Eksekutif Teknologi Maklumat dan Penerbitan di Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).

